

Kesesuaian Kurikulum Kursus DPA1013 *Fundamentals of Accounting* dan Pencapaian Pelajar Bukan Jurusan Perakaunan: Kajian Kes di Politeknik Malaysia Zon Selatan

Hilmun Mohamed^a, Zaihasra Rukiman^a, Noor Shuhailie M.Mohamed Noor^b

^aPoliteknik Melaka, Malaysia

^bPusat Pengajian Pengurusan, Universiti Sains Malaysia, Malaysia

Email of corresponding author: hilmun@polimelaka.1govuc.gov.my

Abstrak

Kurikulum merupakan segala rancangan pendidikan dan sebuah pakej kompetensi merangkumi ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai sikap. Kurikulum adalah sangat penting bagi sesebuah pemberi pendidikan tinggi (PPT). Kurikulum yang bagus akan mencapai matlamat sesebuah program, berjaya melahirkan mahasiswa yang berpengetahuan, berkemahiran dan pembentukan sikap serta menaikkan imej institusi sebagai output sesebuah institusi pendidikan tinggi. Politeknik merupakan salah satu institusi pendidikan tinggi yang berada di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia menawarkan program dari peringkat Pra-Diploma hingga Ijazah dari pelbagai bidang seperti perdagangan, kejuruteraan, hospitaliti dan lain-lain program. Kursus DPA1013 *Fundamentals of Accounting* (DPA1013) merupakan kursus wajib semester 1 bagi Jabatan Perdagangan, Politeknik Malaysia (kecuali program Diploma Sains Kesetiausahaan). Kandungan kurikulum dan penilaian kursus ini adalah sama bagi pelajar dari jurusan Perakaunan mahupun bukan jurusan Perakaunan. Mengenalpasti tahap kesesuaian kandungan kurikulum sesuatu kursus adalah amat penting khususnya dalam menilai kesesuaian dan keberkesanan pelaksanaan kurikulum terhadap para pelajar. Penyelidikan deskriptif ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kesesuaian kandungan kurikulum Kursus DPA1013 berfokus kepada penilaian silibus kepada pelajar bukan jurusan Perakaunan di Politeknik Malaysia Zon Selatan. Soal selidik telah diedarkan kepada 12 orang pensyarah kursus dari 3 buah Politeknik Zon Selatan yang merangkumi 72 item. Dapatan kajian melalui analisa min menunjukkan bahawa Kandungan Kursus Bab 3: *Double-Entry Concepts* mendapat purata skor min tertinggi (4.38) dan Bab 5: *Adjustment Accounting* mendapat purata skor min terendah (3.61). Jurang perbezaan peratusan pencapaian sepanjang 3 semester berturut-turut adalah amat besar antara pelajar jurusan Perakaunan dan Bukan Jurusan Perakaunan. Kajian ini akan memberi input awal kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum dalam menambahbaik kurikulum sediaada menuju pencapaian Programme Learning Outcome (PLO) sesebuah program kelak.

Kata Kunci: Kurikulum; Pencapaian Pelajar; Politeknik

1.0 PENGENALAN

Politeknik merupakan salah satu institusi pendidikan tinggi awam di dalam kategori Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) Malaysia yang berada di bawah kelolaan Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia; memainkan peranan penting bagi menerajui TVET di peringkat tertiar bagi menyediakan tenaga kerja separa profesional di dalam bidang teknikal, perdagangan dan perkhidmatan bagi sektor pekerjaan awam dan swasta (JPP, 2012). Politeknik Malaysia bermula pada tahun 1969 dengan penubuhan Politeknik Ungku Omar dan diteruskan dengan pembangunan Politeknik-politeknik lain antaranya melalui Rancangan Malaysia (RMK) ke 9, RMK-10 (JPP, n.d; JPP, 2012; JPP, 2014; JPP, 2016) dan kini pemeraksanaan Politeknik diperkukuhkan melalui Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Pelan Transformasi Politeknik, Pelan Pembangunan Pendidikan (Pengajian Tinggi) dan agenda transformasi TVET, RMK-11 (KPTM, 2004; JPP,2009; KPM, 2015; EPU, 2016).

Sehingga kini terdapat 34 buah Politeknik yang terdiri dari Politeknik kategori Premier, Konvensional dan METrO merentasi seluruh Semenanjung Malaysia dan Borneo dengan jumlah output lulusan 492,663

graduan pelbagai bidang berjaya dilahirkan menerusi sistem pendidikan Politeknik di Malaysia sejak dari awal penubuhan sehingga Oktober 2016 (JPP,2016). Politeknik menawarkan variasi program peringkat Pra- Diploma, Diploma, Diploma Lanjutan dan Ijazah dari pelbagai bidang seperti perdagangan, pelancongan dan hospitaliti, kejuruteraan, agroteknologi dan bio-industri, teknologi maklumat, reka bentuk dan komunikasi visual dan program-program lain.

Jabatan Perdagangan Politeknik Malaysia menawarkan 1 program Pra-Diploma, 11 program Diploma, 3 program Diploma Lanjutan dan 1 program peringkat Ijazah di hampir keseluruhan 34 buah Politeknik. Sejumlah 16 buah Politeknik menawarkan Program Diploma Akauntansi sekaligus menjadikan program ini merupakan program tertinggi yang ditawarkan di Politeknik dan diikuti dengan program peringkat diploma lain seperti Diploma Pengajian Perniagaan, Diploma Pemasaran, Diploma Sains Kesetiausahaan, Diploma Pengurusan Logistik dan Rangkaian Bekalan, Diploma Pengurusan Peruncitan, Diploma Pengajian Perniagaan (E-Dagang), Diploma Kewangan dan Perbankan, Diploma Insurans dan Diploma Perniagaan Antarabangsa (JPP,2016).

Seseorang pelajar di dalam peringkat diploma Jabatan Perdagangan Politeknik perlu mengikuti kursus yang terdiri dari kursus wajib, kursus teras, kursus pengkhususan dan kursus elektif yang digariskan di dalam setiap program sepanjang tempoh pengajian selama 6 semester. Setiap pelajar perlu mencukupkan jumlah kredit tertentu sepertimana yang digariskan di dalam Struktur Program pengajian sekaligus mencapai Programme Learning Outcome (PLO) sesebuah program.

Kursus DPA1013 *Fundamentals of Accounting* merupakan kursus wajib semester 1 bagi Jabatan Perdagangan, Politeknik Malaysia kecuali program Diploma Sains Kesetiausahaan (DSK). Ini adalah kerana program DSK telah diperkenalkan kepada kursus DPK5013 *Business Accounting* di mana pemberatan kandungannya adalah lebih ringkas dan disesuaikan dengan keperluan program. Ini bermakna pelajar bukan jurusan perakaunan mengambil kursus yang mana kandungan kurikulum dan penilaian kursus ini adalah sama dengan jurusan perakaunan.

Walaubagaimanapun terdapat penawaran kursus di universiti awam seperti Universiti Teknologi MARA (UiTM) yang menawarkan kursus Accounting For Non- Accounting Students ACC106 (Business Accounting), di mana kursus tersebut mempunyai pemberatan yang bersesuaian dengan program yang ditawarkan sepertimana DSK di Politeknik.

Oleh itu, penyelidikan deskriptif ini bertujuan untuk mengenalpasti kesesuaian kandungan kurikulum Kursus DPA1013 berfokus kepada penilaian silibus kepada pelajar bukan jurusan Perakaunan di Politeknik Malaysia Zon Selatan. Pencapaian Pelajar politeknik terlibat turut ditinjau bagi tujuan melihat jurang pencapaian antara pelajar jurusan akaun dan bukan jurusan akaun. Kajian ini bakal memberi input dan maklumbalas kepada pihak Bahagian Pembangunan Kurikulum Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP) bagi tujuan penambahbaikan pada waktu akan datang.

2.0 TINJAUAN LITERATUR


Kurikulum

Kurikulum merupakan segala rancangan pendidikan dan sebuah pakej kompetensi merangkumi ilmu pengetahuan, kemahiran dan nilai-nilai sikap. Kurikulum didefinisikan sebagai proses pengalaman dan hasil pembelajaran yang dirancang melalui pembentukan semula pengetahuan dan pengalaman secara sistematik di bawah pengawasan institusi dan berpacuan industri agar dapat mencapai perkembangan kompetensi pelajar secara berterusan (JPP, 2013).

Politeknik, sebagai sebuah institusi pemberi pendidikan tinggi (PPT) yang mengarusperdanakan TVET melaksanakan pembangunan kurikulum yang dirancang dengan teliti dan sistematik (JPP, 2013) selaras dengan keperluan legislatif bagi mencapai visi Politeknik sebagai Menjadi institusi TVET premier yang diterajui industri (JPP, 2016). Pembangunan Kurikulum program pengajian di Politeknik adalah memerlukan kefahaman yang mendalam terhadap pelbagai perkara asas termasuk mendalami visi dan misi TVET, polisi negara serta kemampuan menggabungkan keseluruhan aspek bagi menghasilkan sebuah kurikulum yang efektif, realistik dan mencapai hasil yang sepatutnya (JPP, 2013).

Bagi memastikan program-program pengajian di Politeknik adalah berkesan, pihak Bahagian

Pembangunan Kurikulum, JPP berperanan dalam menyelaraskan proses-proses pembangunan kurikulum Politeknik seperti rajah 1.0.



Rajah 1.0: Carta Alir Pembangunan Kurikulum Politeknik (JPP, 2013)

Pelantikan beberapa jawatankuasa dengan peranan tertentu seperti Jawatankuasa Penggubal Kurikulum (DCC) bagi menggubal kurikulum, Jawatankuasa penasihat kurikulum (ACC) bagi pengesahan dokumen kurikulum program pengajian. Kurikulum tersebut juga perlu diverifikasi oleh MQA sebagai pengesahan sebelum diluluskan oleh Lembaga Kurikulum. Manakala, pelantikan Lembaga Kurikulum Politeknik (PCB) adalah bertujuan untuk meluluskan nama bagi sesuatu program pengajian dan juga draf kurikulum program pengajian berkenaan demi menghasilkan kurikulum yang berkesan dan berkualiti .

Silibus Kursus

Silibus kursus merupakan salah satu elemen utama di dalam sesebuah kurikulum. Kandungan silibus ini dibangunkan berdasarkan kepada objektif pengajaran yang perlu dicapai ketika menamatkan kursus ini kelak (Hamdan & Shaari, 2010). Merujuk kepada Das (2010), silibus merupakan satu rumusan berkaitan sesebuah topik di dalam kurikulum sesebuah program pendidikan atau latihan. Selalunya, silibus ini akan dipantau oleh lembaga peperiksaan atau badan akademik atau disediakan oleh para pensyarah yang mengawal kualiti berkaitan kurikulum dan kualiti sesebuah program. Silibus mengandungi topik, senarai

cadangan buku rujukan dan maklumat yang berkaitan (Das, 2010) untuk membantu meningkatkan pemahaman pelajar dalam mengikuti dan menamatkan sesebuah kursus.

Tujuan sesebuah silibus dan elemen-elemen yang berkaitan adalah (i) silibus sebagai sebuah kontrak, (ii) silibus sebagai satu rekod yang tetap dan (iii) silibus adalah sebagai kaedah pembelajaran (Metjka and Kurke,1994; Parkes dan Harris, 2002). Silibus juga bertujuan agar kedua – dua pihak dapat memahami dan mengetahui perkara yang perlu dicapai di dalam sesebuah semester ketika mengikuti kursus tersebut; yang mana akan memberi panduan kepada kelakuan kedua- dua pihak. (Das,2010; Metjka and Kurke,1994; Smith dan Razzouk,1993).

Silibus juga merupakan perkara pertama yang mesti ada jika dibandingkan elemen-elemen kurikulum kursus yang lain. Bagi memastikan sebuah silibus yang efektif, ia adalah perlu jelas, ditulis dengan bahasa yang setara (Standard) . Silibus sentiasa perlu dikaji semula dan ditambah baik agar dapat memastikan kandungan sesebuah kursus sentiasa terkini dan ia adalah perlu melibatkan pensyarah dan pelajar bagi membuat penilaian untuk mengkaji sesebuah silibus kursus (Das, 2010).

Oleh itu, kajian ini juga berperanan dalam melibatkan pensyarah bagi tujuan mengkaji tahap kesesuaian kurikulum berfokus kepada silibus sekaligus memberi dapatan awal berkaitan input terkini dan maklumbalas kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum, JPP (Rujuk Rajah 1.0)

Objektif kajian

Secara amnya, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenalpasti kesesuaian kandungan kurikulum Kursus DPA1013 *Fundamentals of Accounting* terhadap pelajar bukan jurusan perakaunan melalui persepsi pensyarah kursus. Oleh itu, objektif kajian adalah seperti berikut:

- (i) Menenalpasti tahap kesesuaian silibus DPA 1013 *Fundamental of Accounting* terhadap pelajar bukan jurusan perakaunan; dan
- (ii) Menenalpasti pencapaian pelajar bukan perakaunan bagi kursus wajib (asas perakaunan).

3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian deskriptif ini menggunakan metodologi seperti di bawah bagi mencapai objektif kajian:

- (i) Objektif 1- Kajiselidik diedarkan kepada 12 pensyarah kursus DPA 1013 pada sesi Jun 2015, Disember 2014 dan Jun 2014 dari (3) buah Politeknik di Zon Selatan; dan
- (ii) Objektif 2- penggunaan data sekunder iaitu keputusan rasmi peperiksaan akhir kursus DPA1013 bagi sesi Jun 2015, Disember 2014 dan Jun 2014 yang diperolehi dari pihak Unit Peperiksaan politeknik terlibat di Zon Selatan.

Pengukuran Item

Instrumen yang digunakan adalah soal selidik yang mengandungi 72 item berkaitan silibus kursus, merangkumi Bahagian A: Demografi dan Bahagian B: Item Kesesuaian Kandungan Kursus di dalam bentuk Skala Likert (1 -5). Ia dipilih kerana ia merupakan pengukuran yang mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi (Chua et al., 2013), lebih banyak maklumat darjah sumbangan responden, perjanjian atau keperluan serta merupakan pelengkap dan pembahagi mendalam ke atas persepsi yang boleh diperkembangkan (Oppenheim, 1992).

Sangat Tidak Sesuai	Tidak Sesuai	Sederhana	Sesuai	Sangat sesuai
1	2	3	4	5

Jadual 1.0: Skala Likert yang digunakan

4.0 DAPATAN DAN ANALISIS

Bagi mencapai objektif kajian (i) penyelidik telah mengedarkan Borang Kajiselidik kepada responden yang merupakan para pensyarah dari 3 politeknik terlibat.

Demografi Responden

Berikut adalah dapatan kajian melalui soal selidik di dalam Bahagian A:

Perkara	Kategori	Kekerapan (f)
Jantina	Lelaki	5
	Perempuan	7
Kelulusan Akademik Tertinggi	Sarjana	3
	Sarjana Muda	9
Bidang Pengajian	Perakaunan	12
	Bukan Perakaunan	0
Pengalaman Mengajar	3 tahun dan ke bawah	3
	4 tahun dan ke atas	9

Jadual 2.0: Demografi Responden

Tahap Kesesuaian Kandungan Silibus

Satu instrumen kajian yang mempunyai 72 item telah dibina mewakili subtopik di dalam setiap bab yang terdapat di dalam silibus kursus DPA1013. Dapatan kajian telah dianalisis menggunakan analisis Min. dan diproses menggunakan SPSS 21.0. Data ini diinterpretasi berdasarkan Ghaffar (2003) seperti di dalam Jadual 3.0 di bawah:

Skor Min.	1.00-1.50	1.51-2.50	2.51-3.50	3.51-4.50	4.51-5.00
Interpretasi	Sangat Rendah	Rendah	Sederhana	Tinggi	Sangat Tinggi

Jadual 3.0: Interpretasi Skor Min

Dapatan kajian bagi tahap kesesuaian kandungan kurikulum yang berfokus kepada penilaian silibus adalah seperti berikut:

Bab	Introduction to Accounting	Accounting Books	Double-Entry Concepts	Trial Balance	Adjustment Accounts	Financial Statements
Purata Skor Min.	4.31	4.24	4.38	4.25	3.61	4.36
Purata Min Keseluruhan	4.19					

Jadual 4.0: Jadual Purata Skor Min. Keseluruhan mengikut Bab di dalam Silibus DPA 1013

Merujuk kepada Jadual 4.0 analisis purata skor min keseluruhan menunjukkan bahawa tahap kesesuaian kurikulum berfokus kepada kandungan silibus adalah berada di tahap Tinggi (min=4.19). Ini menunjukkan bahawa kandungan kurikulum kursus ini adalah turut sesuai untuk pelajar bukan jurusan perakaunan.

Analisis menunjukkan bahawa daripada enam bab di dalam silibus, Bab 3: *Double-Entry Concepts* mencatatkan skor min tertinggi (min=4.38) diikuti dengan Bab 6: *Financial Statements* (min= 4.36), Bab 1: *Introduction to Accounting* (min=4.31), Bab 4: *Trial Balance* (min=4.25), Bab 2: *Accounting Books* (min=4.24) dan Bab 5: *Adjustment Accounts* (min=3.61). Skor dicapai bab 6 ini merupakan skor terendah, walaupun masih berada di dalam kategori tinggi,

Hasil analisis kajian, mendapati di dalam Bab 5: *Adjustment Accounts* (min= 3.61) mempunyai beberapa skor min silibus (sub topik) yang berada di dalam kategori Sederhana. Sub topik *Apply the transactions into ledgers* (min=2.83), *The transactions of accruals and prepayments in financial statements* (min=3.50), *Apply the transactions into ledgers* (min=2.75), *The transactions of bad debts, provisions for*

doubtful debts and bad debts recovery in the financial statements (min=3.50), Apply the transactions into ledgers (min=2.67), Show the transactions for depreciation and accumulated depreciation in the financial statements (min=3.50), The differences between revenue and capital expenditure (min=3.50) dan Describe the expenditure on revenue expenditure and capital expenditure (min=3.50).

Responden mencadangkan sub topik ini perlu dipertimbangkan bagi tujuan penawaran kepada program bukan jurusan perakaunan yang hanya memerlukan pengetahuan peringkat asas sahaja. Para pelajar bukan jurusan perakaunan tidak mampu mendalami dan menjawab soalan dengan baik. Turut dicadangkan agar satu kursus baharu dapat diwujudkan bagi menggantikan DPA1013 untuk pelajar bukan jurusan perakaunan.

Pencapaian Pelajar Jurusan Perakaunan dan bukan Perakaunan

Dapatan kajian objektif (ii) ditunjukkan dari Jadual 5.0, Jadual 6.0 dan Jadual 7.0, keputusan peperiksaan pelajar Jabatan Perdagangan bagi ketiga-tiga sesi mencatatkan peratusan trend pelajar bukan jurusan perakaunan memperolehi keputusan yang kurang memberangsangkan.

Dapatan jelas menunjukkan peratusan pencapaian pelajar di dalam setiap sesi yang sama antara pelajar jurusan perakaunan dan bukan perakaunan adalah sangat berbeza. Contohnya, pencapaian pelajar Sesi Jun 2015, Diploma Perakaunan Politeknik Melaka mendapat 17%, tetapi untuk Program Diploma Perniagaan Antarabangsa sejumlah 57.5% (melebihi 50% pelajar) bagi nilai mata 2.00 ke bawah. Ini membuktikan terdapat jurang besar sebanyak 40.5% antara kedua program ini. Pencapaian pelajar di kedua politeknik lain turut mempamerkan jurang perbezaan nilai mata 2.00 dan ke bawah sebanyak 20% -30% dari jumlah keseluruhan pelajar yang mengambil kursus tersebut. Hal yang sama juga berlaku kepada sesi Disember 2014 dan Sesi Jun 2014.

Bil.	Politeknik	Program	Peratus Pencapaian Pelajar (100%)			
			NILAI MATA < 2.00	2.00 <= NILAI MATA < 3.00	3.00 <= NILAI MATA < 3.67	NILAI MATA >= 3.67
1	Politeknik Melaka	Diploma Akauntansi(DAT)	17.0	35.1	19.2	28.7
		Diploma Perniagaan Antarabangsa (DPI)	57.5	30	10	2.5
2	Politeknik Merlimau Melaka	Diploma Akauntansi (DAT)	5.4	23.2	26.8	44.6
		Diploma Pengajian Perniagaan (DPM)	30.2	54.7	13.2	1.9
		Diploma Pemasaran (DPR)	36.3	34.1	18.2	11.4
3	Politeknik Port Dikson	Diploma Akauntansi (DAT)	10.4	30.2	27.1	32.3
		Diploma Pemasaran (DPR)	39.5	38.3	14.8	7.4

Jadual 5.0: Jadual Pencapaian Pelajar yang mengambil kursus DPA 1013 Fundamental of Accounting Sesi Jun 2015 Politeknik Zon Selatan

Bil.	Politeknik	Program	Peratus Pencapaian Pelajar (%)			
			NILAI MATA < 2.00	2.00 <= NILAI MATA < 3.00	3.00 <= NILAI MATA < 3.67	NILAI MATA >= 3.67
1	Politeknik Melaka	Diploma Akauntansi(DAT)	5.0	33.0	35.0	27.0
		Diploma Perniagaan Antarabangsa (DPI)	43.4	34	13.2	9.4

2	Politeknik Merlimau Melaka	Diploma Akauntansi (DAT)	3.0	10.6	22.7	63.6
		Diploma Pengajian Perniagaan (DPM)	12.7	47.9	26.7	12.7
		Diploma Pemasaran (DPR)	39.7	41.3	12.7	6.3
3	Politeknik Port Dikson	Diploma Akauntansi (DAT)	3.5	26.5	26.5	43.4
		Diploma Pemasaran (DPR)	4.4	50.4	22.2	23

Jadual 6.0: Jadual Pencapaian Pelajar yang mengambil kursus DPA 1013 Fundamental of Accounting Sesi Disember 2014 Politeknik Zon Selatan

Bil.	Politeknik	Program	Peratus Pencapaian Pelajar (%)			
			NILAI MATA < 2.00	2.00 <= NILAI MATA < 3.00	3.00 <= NILAI MATA < 3.67	NILAI MATA >= 3.67
1	Politeknik Melaka	Diploma Akauntansi(DAT)	3.0	16.0	22.0	59.0
		Diploma Perniagaan Antarabangsa (DPI)	44	21	28	7
2	Politeknik Merlimau Melaka	Diploma Akauntansi (DAT)	6.0	15.0	28.0	51.0
		Diploma Pengajian Perniagaan (DPM)	26.2	35.5	17	21.3
		Diploma Pemasaran (DPR)	25.0	48.1	11.5	15.4
3	Politeknik Port Dikson	Diploma Akauntansi (DAT)	2.7	10.8	25.2	61.3
		Diploma Pemasaran (DPR)	26.3	31.6	22.1	20.0

Jadual 7.0: Jadual Pencapaian Pelajar yang mengambil kursus DPA 1013 Fundamental of Accounting Sesi Jun 2014 Politeknik Zon Selatan

Terdapat kajian berkaitan faktor yang menyumbang kepada kegagalan dalam keputusan peperiksaan bagi kursus bidang perakaunan yang diduduki oleh pelajar bukan jurusan perakaunan yang menyatakan antara faktor utama penyumbang kepada kegagalan adalah kursus ini bukan pilihan, tetapi diwajibkan (Muda, et al.,2013) sepertimana situasi di Politeknik.

Namun, masih terdapat peratusan kecil pelajar bukan jurusan perakaunan yang mendapat pencapaian yang cemerlang bagi kursus ini. Dapatan ini selaras dengan kajian Ismail (2011), memfokuskan kepada faktor yang menyumbang kepada kecemerlangan pelajar bukan jurusan perakaunan yang mengambil kursus Perakaunan Pengurusan. Ini adalah tidak mustahil bagi pelajar bukan bidang perakaunan untuk memperolehi keputusan cemerlang jika mereka memang dikategorikan sebagai cemerlang dalam bidang akademik.

5.0 LIMITASI, CADANGAN KAJIAN MASA HADAPAN DAN RUMUSAN

Limitasi dan Cadangan kajian masa hadapan

Kajian ini hanya memfokuskan kepada pelajar yang mengambil kursus DPA1013 bagi program diploma di Jabatan Perdagangan, politeknik Zon Selatan sahaja. Adalah dicadangkan agar kajian ini diperluaskan kepada seluruh Politeknik Malaysia.

Selain itu, kajian ini hanya melibatkan yang mengajar kursus ini. Dicapadangkan kajian akan datang untuk melibatkan pelajar dan pensyarah bagi mendapatkan informasi yang lebih bersepadu dalam melihat tahap kesesuaian kurikulum dari kedua belah pihak. Kajian juga boleh menyentuh keperluan mengadakan kursus baharu khas untuk pelajar bukan jurusan perakaunan.

Kajian awal ini hanya melibatkan satu aspek di dalam kurikulum iaitu penilaian kandungan silibus. Bagi mendapatkan konsensus yang holistik kelak, adalah dicadangkan agar kajian akan datang turut mengambilkira kesesuaian tempoh pengajaran dan pembelajaran, keberkesanan kaedah pengajaran yang dilaksanakan dan keberkesanan bahan pengajaran yang digunakan.

Penutup

Secara umumnya, Kurikulum DPA1013 *Fundamentals of Accounting* adalah sesuai untuk pelajar bukan jurusan perakaunan. Namun terdapat beberapa sub topik yang perlu dilihat semula kesesuaian dan ditambah baik oleh Bahagian Pembangunan Kurikulum, JPP kerana ia merupakan antara faktor penyumbang kepada jurang pencapaian yang besar dan keputusan kurang memuaskan bagi pelajar bukan jurusan perakaunan. Ini juga bakal memberi kesan kepada pencapaian Programme Educational Objective (PEO) dan Programme Learning Outcome (PLO). Kajian ini dapat menyumbang kepada Bahagian Pembangunan Kurikulum (Jabatan Perdagangan), Jabatan Pendidikan Politeknik dalam memperkasakan kurikulum sediaada. Secara tidak langsung, ini akan memudahkan pelajar dalam mempelajari sesuatu kursus mengikut keperluan program pengajian yang diikutinya.

RUJUKAN

Chua, Y.P.,2013. *Kaedah dan Statistik Penyelidikan Buku 2 Asas Statistik Penyelidikan*. Malaysia: Mc Graw Hill.

Das, J.,2010. Role of syllabus in Higher Education: A Critical Study. *Global Research Methodology Journal*, Vol.II, 7th issue, Nov-Dec-Jan, 2012-2013. Sumber: <http://grmgrlaranya.com/Journals/7th%20issue/Role%20of%20syllabus%20in%20higher%20education%20A%20critical%20study.pdf> [Dicapai 2 Februari 2017].

Ghafar, M.N.,2003. *Penyelidikan Pendidikan*. Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia.

Hamdan, A.R., and Shaari, S.,2010. Pelaksanaan Kurikulum Kejuruteraan Awam dalam Pembelajaran pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Serta Pendidikan (Kejuruteraan Awam) Universiti Teknologi Malaysia. *E-Prints UTM* [e-journal]. Malaysia: Universiti Teknologi Malaysia. Sumber: http://eprints.utm.my/10525/1/PELAKSANAAN_KURIKULUM_KEJURUTERAAN_AWAM_DALAM_PEMBELAJARAN_PELAJAR_IJAZAH_SARJANA_MUDA_TEKNOLOGI_SERTA_PENDIDIKAN.pdf [Dicapai 2 Februari 2017].

Ismail, S.,2011. Accounting For Non- Accoutning Students: What Affects Their Performance? *Journal of Technical Education and Training (JTET)*, Vol. 3, No.2| December 2011, :19-31. Sumber:https://www.researchgate.net/publication/263581615_Accounting_for_Non-Accounting_Students_What_Affects_Their_Performance [Dicapai 2 Februari 2017].

Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP). *Sejarah Politeknik* [online] Sumber: <<http://www.mypoliteknik.edu.my/index.php/mengenai-kami/maklumat-korporat/sejarah-politeknik.html>> [Dicapai 30 September 2017].

Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP),2009. Halatuju Transformasi Politeknik Ke Arah Kelestarian Penghasilan Modal Insan Negara [pdf] Malaysia: Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP). Sumber: 2009<http://www.pkb.edu.my/images/penerbitan/halatujutransformasipoliteknik.pdf>[Dicapai 19 September 2017].

Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP),2012. *Informasi Politeknik Edisi Oktober 2012*. Malaysia: Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP). [Dicapai 26 April 2017].

Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP),2013. *Manual Pembangunan Kurikulum Program Pengajian Politeknik*. Malaysia: Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP). [Dicapai 26 April 2017].

Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP),2016. *Informasi Politeknik Edisi Oktober 2016*. [pdf] Malaysia: Jabatan Pendidikan Politeknik (JPP). Sumber:<http://mypoliteknik.edu.my/index.php/mengenai-kami/berita-dan-hebahan/muat-turun/428-informasi-politeknik-edisi-oktober-2016/file.html> [Dicapai 26 April 2017].

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM),2015.*Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2015-2025 (Pengajian Tinggi)*. Malaysia: Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM),2004. *Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara Peletakan Asas Melangkaui 2020*. Malaysia: Kementerian Pengajian Pendidikan Tinggi Malaysia (KPTM).

Matejka, K., and Kurke, L.,1994. Designing a great syllabus. *College Teaching* 4(3):115-117. Sumber: <http://dx.doi.org/10.1080/87567555.1994.9926838> [Dicapai 26 April 2017].

Muda, S., Hussin, A. H., Johari, H., dan Jamil, N.,2013. The Key Contributing Factors of Non-Accounting Students' Failure in The Introduction to Financial Accounting Course. *Procedia-Social and Behavioural Science* 90: 712-719. Sumber:

<http://www.sciencedirect.com/science/article/pii/S1877042813020326> [Dicapai 3 Mei 2017].

Oppenheim, A.N.,1992. *Questionnaire Design, Interviewing and Atitude Measurement*. London: Pinter Publisher.

Parkes, J., and Harris, M. B.,2002. The Purposes of a Syllabus, *College Teaching* 50(2): 55-61.

Sumber:

http://jan.ucc.nau.edu/~coesyl-p/syllabus_cline_article_2.pdf [Dicapai 2 Febuari 2017].

Smith,M.F.,and Razzouk, N.Y,1993. Improving Classroom Communication: The Case of the Syllabus. *Journal of Education for Busines*, 68(4):215-21.

Unit Perancang Ekonomi (EPU),2016. *Mentransformasi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional untuk Memenuhi Permintaan Industri*. [pdf] Malaysia: Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Sumber: <http://epu.gov.my/sites/default/files/Kertas%20Strategi%2009.pdf> [Dicapai 19 September 2017].

Unit Perancang Ekonomi (EPU),2011. *Rancangan Malaysia ke Sepuluh 2011-2015*. [pdf] Malaysia: Unit Perancang Ekonomi (EPU). Sumber: http://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RMK10_Mds.pdf [Dicapai 19 September 2017].